

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan-dapatan hasil daripada tinjauan mengenai penggunaan kamus dalam kelas mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Tinjauan ini dilakukan terhadap 80 orang pelajar dan 10 orang guru di Sekolah Menengah Agama Maarif, Besut, Terengganu. Huraian dan analisis terhadap dapatan-dapatan dalam kajian ini berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan.

Dapatan kajian terhadap guru berdasarkan wawancara singkat dengan 10 orang guru. Dalam menghuraikan data-data tersebut, pengkaji menyediakan jadual-jadual, jika perlu. Kadang kala pengkaji akan membuat analisis perbandingan antara dua mata pelajaran tersebut. Bagi dapatan yang tidak memerlukan jadual, pengkaji akan menghuraikannya secara deskriptif sahaja.

Dapatkan daripada tinjauan soal selidik ini dilakukan mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan dalam Bab I. Kajian ini dibuat untuk mencari jawapan kepada beberapa persoalan seperti berikut:

1. Untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran B.M.
2. Untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran B.I.
3. Untuk mengenal pasti sikap pelajar terhadap penggunaan kamus apabila mempelajari bahasa.
4. Untuk mengenal pasti masalah-masalah penggunaan kamus di kalangan pelajar.
5. Untuk mengetahui sikap dan perspektif guru tentang penggunaan kamus dalam kelas.

Sebelum huraian ini bertumpu kepada penggunaan kamus dalam kelas bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, terlebih dahulu penyelidik menghuraikan serba sedikit mengenai penggunaan bahan sumber dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, yang juga merupakan hasil daripada penyelidikan dan pemerhatian penulis sendiri. Huraian mengenai penggunaan bahan sumber ini terdapat dalam tajuk kecil 4.2 di bawah.

4.2 Penggunaan Bahan Sumber

Bagi soalan nombor 11 dan 12 dalam soal selidik, pengkaji ada kemukakan soalan tentang bahan bacaan tambahan (selain daripada buku teks dan buku kerja). Soalan ini merupakan soalan terbuka. Responden diminta menyenaraikan nama bahan bacaan tambahan yang mereka sering baca, untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam kedua-dua mata pelajaran bahasa itu. Mereka menyenaraikan banyak bahan bacaan yang terdiri daripada buku-buku rujukan, fiksyen, akhbar, majalah dan komik.

Bil.	Nama Bahan Bacaan	Jenis	Jumlah Pembaca	%
1.	Utusan Malaysia	Akhbar	33	41.25
2.	Berita Harian	Akhbar	24	30.00
3.	Buku rujukan B.M	Buku	17	21.25
4.	Buku fiksyen	Buku	13	16.25
5.	Harian Metro	Akhbar	13	16.25
6.	Dewan Siswa	Majalah	9	11.25
7.	Muslimah	Majalah	9	11.25
8.	Mastika	Majalah	7	8.75
9.	Dewan Pelajar	Majalah	7	8.75
10.	Minda Pelajar	Majalah	6	7.50
11.	Darul Iman	Majalah	5	6.25
12.	Mutiara	Majalah	3	3.75
13.	Tamaddun	Majalah	2	2.50
14.	Remaja	Majalah	2	2.50
15.	Al-Islam	Majalah	2	2.50
16.	Yes	Majalah	1	1.25
17.	Karya	Majalah	1	1.25
18.	Dewan Masyarakat	Majalah	1	1.25
19.	Fokus	Majalah	1	1.25
20.	Komik	Komik	1	1.25
21.	Wanita	Majalah	1	1.25
22.	Tidak menjawab	-	13	16.25

Jadual 4.1 : Senarai bahan bacaan tambahan dalam bahasa Melayu dan jumlah pembacanya.

Bil.	Nama Bahan Bacaan	Jenis	Jumlah Pembaca	%
1.	New Strait Times	Akhbar	11	13.75
2.	Buku Fiksyen	Buku	10	12.50
3.	Buku-buku Rujukan B.I	Buku	7	8.75
4.	The Sun	Akhbar	6	7.50
5.	Young Generation	Majalah	5	6.25
6.	Wings of Gold	Majalah	2	2.50
7.	Reader's Digest	Majalah	2	2.50
8.	Tidak menjawab soalan ini		10	12.50
9.	Tidak membaca sebarang bahan bacaan tambahan		45	56.25

Jadual 4.2 : Senarai bahan bacaan tambahan dalam B.I dan jumlah pembacanya.

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, akhbar Utusan Malaysia (41.25% pembaca) dan Berita Harian (30.00% pembaca) dijadikan bahan sumber terpenting dalam pembelajaran B.M, selepas buku teks dan buku kerja. Buku-buku rujukan dan fiksyen berada di tahap kedua paling penting. Kemudian diikuti oleh pelbagai jenis majalah. Majalah-majalah yang dikhaskan untuk pelajar mendapat sambutan yang hangat. Majalah-majalah berat kandungannya seperti “Karya”, “Dewan Masyarakat” dan “Fokus” mempunyai bilangan pembaca paling sedikit (1.25% sahaja). Sejumlah 16.25% daripada sampel pula tidak menjawab soalan ini. Justeru itu, mereka tidak memberitahu nama bahan bacaan yang mereka gemari.

Berbanding dengan bahasa Melayu, pelajar-pelajar tidak gemar membaca bahan bacaan tambahan dalam bahasa Inggeris (lihat Jadual 4.2). Soalan 12 dalam soal selidik berbunyi :

“Bagi mata pelajaran B.I, adakah anda juga membaca bahan bacaan tambahan lain (selain daripada buku teks dan buku kerja)?”

Bagi soalan ini, sejumlah 56.25% (45) menjawab “Tidak” membaca bahan bacaan tambahan. Manakala 12.50% daripada mereka tidak langsung menjawab soalan. Bahan sumber utama yang digemari pelajar-pelajar yang dikaji ialah surat khabar “New Straits Times” dengan pembaca sejumlah 13.75% (11). Ini diikuti oleh buku-buku fiksyen (12.50%) dan buku-buku rujukan dalam Bahasa Inggeris (8.75%). Majalah “Wings of Gold” dan “Reader’s Digest” mempunyai bilangan pembaca paling sedikit, iaitu masing-masing sebanyak 2.50% (2). “Reader’s Digest” tidak digemari mungkin kerana kandungannya terlalu berat. Manakala majalah “Wings of Gold” pula sukar diperolehi.

4.3

Penggunaan Kamus.

Dalam subtopik ini dihuraikan tentang kekerapan penggunaan kamus oleh pelajar. Jenis kamus yang dikaji ialah kamus ekabahasa dan kamus dwibahasa. Tempat yang dikaji meliputi penggunaan kamus dalam kelas, di pusat sumber dan di rumah. Maksud pusat sumber di sini termasuklah perpustakaan dan bilik sumber. Walaupun sekolah ini ada makmal komputer, tetapi tiada bahan sumber bahasa di dalamnya. Sekolah ini tiada makmal bahasa. Persoalan penggunaan kamus di rumah dibincangkan juga kerana ada relevennya dengan penyelidikan ini.

Kekerapan penggunaan kamus diukur berdasarkan berapa kali seminggu atau sebulan, pelajar-pelajar menggunakan kamus. Mungkin pembaca bertanya, berapa minitkah jangka masa yang diambil oleh mereka setiap kali mereka menggunakan kamus? Guru mereka menyatakan jangka masa yang diambil untuk menyemak kamus ialah selama 15 hingga 20 minit bagi setiap waktu (lihat halaman 104).

4.3.1

Penggunaan Kamus Bahasa Melayu

Daripada 80 orang pelajar yang dikaji, sebanyak 43.75% (35) daripada mereka menyatakan ada memiliki kamus ekabahasa bahasa Melayu. Sementara

55.00% (44) daripada mereka tidak mempunyai kamus bahasa Melayu. Manakala 1.25% (1 orang) tidak menjawab soalan ini. Bagi pelajar-pelajar yang tidak mempunyai kamus ekabahasa bahasa Melayu, sebahagian besar daripada mereka menyatakan mereka akan menggunakan kamus di pusat sumber dan perpustakaan. Sebilangan kecil daripada mereka menyatakan mereka boleh mengagak maksud perkataan atau bertanya kepada guru.

Untuk mengetahui nama serta jumlah kamus ekabahasa bahasa Melayu yang dimiliki oleh pelajar-pelajar yang dikaji, penyelidik dapat mengesan 5 jadual kamus (lihat Jadual 4.3 di bawah).

Judul Kamus	Jumlah	%
Kamus Pelajar Bahasa Malaysia	17	48.57
Kamus Dewan	15	42.86
Kamus Pelajar Delta	1	2.86
Kamus Komprehensif Federal	1	2.86
Kamus Lengkap	1	2.86
Jumlah pelajar yang memilik kamus	35	100.00

Jadual 4.3: Judul dan jumlah kamus B.M yang dimiliki oleh pelajar-pelajar.

Daripada data dalam Jadual 4.3 di atas, **Kamus Pelajar Bahasa Malaysia** terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan jumlah kamus ekabahasa terbanyak dimiliki oleh pelajar-pelajar iaitu 17 orang atau 48.57% daripada mereka yang memiliki kamus. **Kamus Dewan** juga terbitan Dewan Bahasa dan

Pustaka merupakan kamus kedua terbanyak yang dimiliki oleh para pelajar, iaitu 42.86% (15 orang). **Kamus Pelajar Bahasa Malaysia** sangat popular kerana harganya yang murah dan senang dibawa ke mana-mana. Manakala tiga judul kamus yang lain hanya dimiliki oleh seorang pelajar atau 2.86% setiap satu. Kamus-kamus itu tidak popular. Walaupun bentuk fizikalnya nipis, harganya murah dan jumlah entrinya 15,000 perkataan, satu jumlah entri yang sesuai sebagai kamus pelajar, kamus-kamus ini tetap tidak popular. Hal ini mungkin kerana kamus-kamus ini tiada autoriti, atau mungkin kata-kata bahasa Inggeris yang diselitkan sebagai keterangan itu mengganggu konsentrasi pelajar-pelajar. Walaupun kamus-kamus ini diberi padanan kata dalam bahasa Inggeris, tetapi masih dianggap kamus bahasa Melayu kerana erti dan penerangan yang disampaikan sebahagian besarnya dalam bahasa Melayu.

Daripada data di atas, kita dapat bahawa jumlah pemilikan kamus ekabahasa bahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar Melayu sendiri, amat mendukacitakan. Mengapakah pelajar-pelajar Melayu tidak suka membeli kamus? Pada tanggapan umum pengkaji, pelajar-pelajar tidak membeli kamus jenis ini kerana mereka merasakan tidak perlu memiliki. Sukar membawanya ke sekolah kerana tebal dan berat. Kalau dibawa pun, kamus jenis ini jarang digunakan. Nampaknya kajian lanjut dalam hal ini amat diperlukan.

4.3.2

Penggunaan Kamus-kamus Bahasa Inggeris

Berbanding dengan kamus-kamus berbahasa Melayu, kamus bahasa Inggeris mendapat sambutan yang menggalakkan. Daripada 80 pelajar yang dikaji, sebanyak 95.00% (76 orang pelajar) menyatakan mereka ada memiliki kamus berbahasa Inggeris. Hanya 5.00% (4) menyatakan mereka tidak mempunyai kamus tersebut. Semua pelajar yang tidak memiliki kamus itu daripada kelas yang ‘lemah’ iaitu Tingkatan 4A6. Ada juga pelajar yang memiliki 2 dan 3 buah kamus dwibahasa. 8 orang pelajar dari Tingkatan 4A3 memiliki 2 buah kamus dan 2 orang dari kelas yang sama memiliki 3 buah kamus.

Untuk mengetahui nama serta jumlah kamus dwibahasa yang dimiliki oleh pelajar-pelajar yang dikaji, penyelidik menyenaraikan 8 judul kamus dwibahasa Inggeris-Melayu. Daripada maklumat yang diperolehi melalui soal-selidik, judul serta jumlah kamus dwibahasa yang dimiliki oleh pelajar-pelajar dapat diketahui (lihat Judual 4.4 di bawah).

Judul Kamus	Jumlah	%
Kamus Dwibahasa Oxford-Fajar	25	28.41
Kamus Mini	13	14.77
Junior KBSM Dictionary	11	12.50
Kamus Dwibahasa Pelanduk	2	2.27
Kamus Popular	1	1.14
Colling Gem	1	1.14
Kamus Jubli	1	1.14
Oxford Student Dictionary of Current English for KBSM	1	1.14
Tidak menyatakan judul dengan jelas	33	37.50
Jumlah kamus yang dimiliki pelajar	88	

Jadual 4.4 : Judul dan jumlah kamus dwibahasa yang dimiliki oleh pelajar-pelajar.

Daripada data dalam Jadual 4.4 di atas, kamus **Dwibahasa Oxford-Fajar** merupakan jumlah kamus dwibahasa yang terbanyak dimiliki oleh pelajar-pelajar iaitu 25 orang atau 28.42%. Kamus ini diterbitkan oleh Fajar Bakti Sdn.Bhd. **Kamus Mini** juga terbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd., merupakan kamus kedua terbanyak yang dimiliki oleh pelajar-pelajar iaitu 14.77% (13). Kamus **Junior KBSM Dictionary** terbitan Federal Publications pula merupakan kamus ketiga terbanyak di miliki oleh pelajar yang berjumlah 12.50% (11). Yang jelas di sini ialah kamus terbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd merupakan kamus dwibahasa yang paling popular di kalangan responden. Manakala sejumlah 37.50% (33 orang) daripada mereka tidak menyenaraikan judul kamus dengan jelas. Mereka mengakui memiliki kamus-kamus jenis ini, tetapi judul kamus tidak ditulis selengkapnya. Mungkin mereka terlupa akan judul kamus dalam

simpanan mereka atau mereka tidak tahu judul kamus dengan tepat. Yang pasti, mereka memiliki kamus-kamus itu.

4.3.3 Kekerapan Penggunaan Kamus Ekabahasa Bahasa

Melayu Dalam Kelas dan Di Pusat Sumber

Perbincangan dalam tajuk kecil ini merupakan fokus dalam penyelidikan ini. Aspek yang dibincangkan ialah kekerapan penggunaan kamus dalam kelas, dalam pusat sumber dan gabungan kedua-dua tempat itu. Oleh kerana kamus ekabahasa jarang digunakan di dalam kelas, begitu juga di pusat sumber, maka kekerapan penggunaannya diukur dalam tempoh bulanan, yakni berapa kali digunakan dalam sebulan. Apabila data dari kedua-dua tempat itu digabungkan, kekerapan itu diukur dalam tempoh mingguan, yakni berapa kali kamus digunakan dalam seminggu. Mari kita lihat data-data berikut.

4.3.3.1 Penggunaan Kamus Ekabahasa Dalam Kelas

Jadual 4.5 di bawah menerangkan tentang kekerapan penggunaan kamus ekabahasa bahasa Melayu dalam kelas. Paling banyak pelajar menyatakan kamus jenis ini digunakan hanya 1 hingga 3 kali sebulan, iaitu sebanyak 41.25% (33) pelajar yang menjawab demikian.

Penggunaan (- kali sebulan)	Jumlah	%
1 hingga 3 kali sebulan	33	41.25
4 hingga 6 kali sebulan	29	36.25
7 hingga 9 kali sebulan	16	20.00
10 hingga 12 kali sebulan	2	2.50
13 hingga 15 kali sebulan	-	-
Lebih daripada 16 kali sebulan	-	-
Jumlah	80	100.00

Jadual 4.5: Kekerapan penggunaan kamus ekabahasa B.M dalam kelas.

4.3.3.2

Penggunaan Kamus Ekabahasa di Pusat Sumber

Penggunaan (- kali sebulan)	Jumlah	%
1 hingga 3 kali sebulan	29	36.25
4 hingga 6 kali sebulan	23	28.75
7 hingga 9 kali sebulan	20	25.00
10 hingga 12 kali sebulan	6	7.50
13 hingga 15 kali sebulan	1	1.25
Lebih daripada 16 kali sebulan	1	1.25
Jumlah	80	100.00

Jadual 4.6: Kekerapan penggunaan kamus ekabahasa B.M di pusat sumber.

Jadual 4.6 di atas menerangkan tentang kekerapan penggunaan kamus ekabahasa B.M di pusat sumber. Datanya hampir sama dengan Jadual 4.5 sebelum ini. Sebahagian besar pelajar iaitu 36.25% (29), menyatakan mereka menggunakan kamus jenis ini antara 1 hingga 3 kali sebulan di pusat sumber.

4.3.3.3 Penggunaan Kamus Ekabahasa Dalam Kelas dan Pusat Sumber

Penggunaan (- kali seminggu)	Jumlah	%
Tidak sekali pun	31	38.75
1 kali seminggu	26	32.50
2 kali seminggu	18	22.50
3 kali seminggu	4	5.00
4 kali seminggu	1	1.25
Jumlah	80	100.00

Jadual 4.7 : Penggunaan kamus ekabahasa B.M dalam kelas dan di pusat sumber.

Melalui soal selidik, gabungan data tentang penggunaan kamus ekabahasa bahasa Melayu dalam bilik darjah dan pusat sumber sekolah di perolehi. Berdasarkan Jadual 4.7 di atas, dapat menjelaskan kekerapan penggunaan kamus ekabahasa dalam pengajaran mata pelajaran B.M. Melalui Jadual 4.7, didapati bilangan pelajar yang menyatakan “tidak sekali pun” kamus digunakan sepanjang minggu dalam pengajaran B.M, adalah paling banyak peratusnya, iaitu 38.75% ataupun 31 orang pelajar. Tetapi bagi pelajar-pelajar ini, mereka ada mengatakan bahawa kamus jenis ini digunakan sebanyak “sekali” atau “2 kali” dalam sebulan. Walaupun kamus jenis ini tidak

digunakan pada setiap minggu, tetapi masih digunakan juga, sekurang-kurangnya 1 kali dalam sebulan. Hanya 32.50% (26) yang menyatakan bahawa kamus digunakan secara purata, “sekali” dalam seminggu sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran B.M. Daripada dapatan di atas juga, didapati sebanyak 22.50% (18) menyatakan kamus digunakan dalam kelas sebanyak “dua kali” seminggu. Manakala sebanyak 5.00% (4) menyatakan kamus digunakan secara purata sebanyak “3 kali” seminggu. Malah ada seorang responden menyatakan ia menggunakan kamus sekiranya 4 kali seminggu di dalam kelas. Ini mungkin kerana pelajar ini mengambil kira penggunaan kamus secara persendirian, tanpa bimbingan guru. Dengan perkataan lain, bukan sebagai bahan pengajaran atau pembelajaran.

Penggunaan (- kali seminggu)	Tingkatan			Jum
	4S	4A3	4A6	
Tidak sekali pun	12	9	10	31
1 kali seminggu	9	12	5	26
2 kali seminggu	6	6	6	18
3 kali seminggu	-	1	3	4
4 kali seminggu	1	-	-	1
Jumlah	28	28	24	80

Jadual 4.8 : Kekerapan penggunaan kamus ekabahasa B.M mengikut kelas.

Jadual 4.8 di atas menjelaskan bahawa tidak ada perbezaan yang ketara antara “kelas cerdas” (4 Sains) dengan “kelas lemah” (4 Asas 6) dari segi kekerapan penggunaan kamus dalam kelas. Dalam Tingkatan 4S, paling ramai menjawab “tidak sekali pun” kamus digunakan dalam seminggu. Hal yang sama berlaku dalam Tingkatan 4A6. Tetapi berlainan halnya dengan pelajar-pelajar dalam kelas 4A3. Dalam kelas ini, paling ramai (12 orang) menjawab bahawa purata penggunaan kamus ialah “sekali” dalam seminggu.

4.3.4 Kekerapan Penggunaan Kamus Dwibahasa
 Berbahasa Inggeris Dalam Kelas dan Di
 Pusat Sumber.

Seperti perbincangan tentang penggunaan kamus ekabahasa B.M sebelum ini, maka subjudul ini terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu kekerapan penggunaan kamus dalam kelas, penggunaan kamus di pusat sumber dan gabungan kedua-dua tempat tersebut. Kekerapan penggunaan kamus dwibahasa ini juga dihitung dalam tempoh bulanan, yakni berapa kali kamus ini digunakan dalam sebulan. Apabila data dari kedua-dua tempat ini digabungkan, kekerapannya dihitung dalam tempoh mingguan, yakni berapa kali kamus jenis ini digunakan dalam seminggu.

4.3.4.1 Penggunaan Kamus Dwibahasa Dalam Kelas

Jadual 4.9 di bawah menerangkan tentang kekerapan penggunaan kamus dwibahasa dalam kelas B.I. Sebahagian besar pelajar, iaitu 45.00% (36) menggunakan kamus jenis ini sekera 7 hingga 9 kali sebulan.

Penggunaan (- kali sebulan)	Jumlah	%
1 hingga 3 kali sebulan	6	7.50
4 hingga 6 kali sebulan	5	6.25
7 hingga 9 kali sebulan	36	45.00
10 hingga 12 kali sebulan	28	35.00
13 hingga 15 kali sebulan	2	2.50
Lebih daripada 16 kali sebulan	3	3.75
Jumlah	80	100.00

Jadual 4.9 : Penggunaan kamus dwibahasa B.I dalam kelas.

4.3.4.2 Penggunaan Kamus Dwibahasa di Pusat Sumber

Penggunaan (- kali sebulan)	Jumlah	%
1 hingga 3 kali sebulan	14	17.50
4 hingga 6 kali sebulan	7	8.75
7 hingga 9 kali sebulan	30	37.50
10 hingga 12 kali sebulan	27	33.75
13 hingga 15 kali sebulan	-	-
Lebih daripada 16 kali sebulan	2	2.50
Jumlah	80	100.00

Jadual 4.10 : Penggunaan kamus dwibahasa B.I di pusat sumber.

Data dalam Jadual 4.10 di atas juga tidak jauh bezanya dengan jadual sebelum ini. Sebahagian besar pelajar, iaitu 37.50% (30) menggunakan kamus dwibahasa berbahasa Inggeris sebanyak 7 hingga 9 kali sebulan, semasa mereka berada di pusat sumber sekolah.

4.3.4.3 Penggunaan Kamus Dwibahasa Dalam Kelas dan Di Pusat Sumber

Penggunaan (- kali seminggu)	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Tidak sekali pun	6	1	7	14	17.50
1 kali seminggu	4	2	-	6	7.50
2 kali seminggu	6	19	4	29	36.25
4 kali seminggu	-	-	-	-	-
5 kali seminggu	1	-	2	3	3.75
6 kali seminggu	1	-	-	1	1.25
Jumlah	28	28	24	80	100

Jadual 4.11 : Penggunaan kamus dwibahasa B.I dalam kelas dan pusat sumber.

Data dalam Jadual 4.11 di atas, merupakan data gabungan bagi penggunaan kamus dwibahasa dalam kelas dan di pusat sumber. Melalui Jadual 4.11, didapati paling ramai pelajar menyatakan kamus berbahasa Inggeris digunakan, secara purata, sebanyak “2 kali” seminggu. Pelajar yang menjawab sedemikian

sebanyak 41.25% (33 orang). Sebanyak 33.75% (27) yang menyatakan kamus digunakan secara purata sebanyak “tiga kali” seminggu. Hanya 12.50% (10) sahaja yang menjawab kamus “tidak sekali pun” digunakan dalam seminggu. Sebaliknya ada seorang pelajar yang menyatakan kamus dwibahasa digunakan sekerap 6 kali seminggu.

Daripada data-data yang diperolehi juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara antara kelas “pintar” dengan kelas “lemah” dari segi penggunaan kamus. Dalam kelas 4S, paling ramai (10 orang) yang menyatakan kamus digunakan sekerap 3 kali seminggu. Kekerapan yang sama (3 kali seminggu) juga dijawab oleh majoriti pelajar di kelas 4A6. Sebilangan besar pelajar di kelas 4A3 pula (19 orang) menjawab kamus berbahasa Inggeris digunakan hanya sebanyak 2 kali seminggu.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara antara penggunaan kamus berbahasa Melayu dengan kamus berbahasa Inggeris. Sebilangan besar responden, iaitu sebanyak 38.75% (31) menjawab mereka “tidak sekalipun”, dalam tempoh seminggu, menggunakan kamus ekabahasa B.M. Tetapi sebilangan besar responden yang sama (sebanyak 41.25%) menjawab menggunakan kamus dwibahasa bahasa Inggeris sekerap dua kali seminggu. Jelas terdapat perbezaan kekerapan penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran dua mata pelajaran bahasa ini.

Untuk melihat sejauh mana perbezaan kekerapan penggunaan kamus antara dua mata pelajaran bahasa ini, mari kita lihat penggunaan kamus di rumah pula. Walaupun persoalan ini tidak relevan dengan penyelidikan ini, tetapi kita dapat mengukur minat responden dalam penggunaan 2 jenis kamus yang berbeza ini.

4.3.5 Kekerapan Penggunaan Kamus di Rumah

Walaupun persoalan ini tidak relevan, tetapi bahagian ini dimasukkan juga dengan tujuan untuk mengukur minat pelajar-pelajar dalam penggunaan kamus. Pembaca boleh lihat perbezaan minat pelajar terhadap dua jenis kamus yang dikaji. Maklumat-maklumat berikut akan menunjukkan perbezaan tersebut.

4.3.5.1 Penggunaan Kamus Ekabahasa di Rumah

Penggunaan (- kali seminggu)	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Tidak sekali pun	13	15	9	37	46.25
1 kali seminggu	6	6	7	19	23.75
2 kali seminggu	5	6	7	18	22.50
3 kali seminggu	2	1	1	4	5.00
4 kali seminggu	2			2	2.50
Jumlah	28	28	24	80	100

Jadual 4.12 : Kekerapan penggunaan kamus ekabahasa B.M di rumah.

Melalui soal selidik yang dikemukakan, maklumat-maklumat tentang penggunaan kamus di rumah juga diperolehi. Penggunaan kamus di rumah adalah betul-betul di atas inisiatif dan minat mereka sendiri. Bukan disuruh atau dipaksa oleh guru. Jadual 4.12 di atas, menjelaskan kekerapan penggunaan kamus di kalangan pelajar-pelajar di rumah, secara purata, dalam masa seminggu.

Jadual 4.12 menjelaskan sebilangan besar pelajar, iaitu 37 orang atau 46.25% “tidak sekali pun” menggunakan kamus berbahasa Melayu dalam masa seminggu. Dalam soal selidik tersebut, mereka menjawab bahawa mereka menggunakan kamus hanya 1 atau 2 kali sebulan. Ada yang tidak menjawab langsung. Hal ini mungkin mereka mengambil mudah dalam mata pelajaran ini

atau mereka tiada kamus jenis ini di rumah. Sebanyak 23.75% (19) menyatakan mereka menggunakan kamus sekali dalam seminggu dan 22.50% (18) pula menggunakan kamus sebanyak 2 kali seminggu. Paling rajin antara mereka menggunakan kamus sekerap 4 kali seminggu, itu pun 2 orang sahaja daripada Tingkatan 4 Sains. Dalam hal penggunaan kamus berbahasa Melayu ini, tidak ada perbezaan yang jelas antara kelas “pintar” dengan kelas “lemah”, semuanya malas menggunakan kamus jenis ini.

4.3.5.2 Penggunaan Kamus Dwibahasa di Rumah

Penggunaan (- kali seminggu)	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Tidak sekali pun	1	3	8	12	15.00
1 kali seminggu	6	6	1	13	16.25
2 kali seminggu	6	14	7	27	33.75
3 kali seminggu	10	4	8	22	27.50
4 kali seminggu	2	1		3	3.75
5 kali seminggu	2			2	2.50
9 kali seminggu	1			1	1.25
Jumlah	28	28	24	80	100

Jadual 4.13 : Penggunaan kamus dwibahasa di rumah.

Dapatan-dapatan dalam Jadual 4.13 di atas menunjukkan kekerapan penggunaan kamus dwibahasa berbahasa Inggeris oleh pelajar-pelajar di

rumah, dari segi purata, dalam seminggu. Jadual itu menjelaskan paling ramai pelajar iaitu sebanyak 33.75% menggunakan kamus hanya 2 kali seminggu. Tahap kedua paling ramai iaitu 27.50% (22) menggunakan kamus 1 kali seminggu. Hanya seorang daripada mereka menggunakan kamus sekirap 9 kali seminggu.

Terdapat perbezaan yang jelas dari segi kekerapan penggunaan kamus di antara pelajar-pelajar di kelas pintar dengan kelas lemah. Dalam Tingkatan 4 Sains, paling ramai pelajar (10 orang) menggunakan kamus sekirap 3 kali seminggu. Hanya seorang pelajar yang tidak menjawab soalan ini.

Tetapi dalam Tingkatan 4A6, terdapat 2 golongan pelajar. Satu golongan pelajar (8 orang) menjawab “tidak sekali pun” menggunakan kamus dalam seminggu. Segolongan yang lain (8 orang juga), menyatakan mereka menggunakan kamus sebanyak 3 kali seminggu.

4.3.6 Kepentingan Penggunaan Kamus Dalam Kelas

Untuk mengetahui apakah maklumat-maklumat yang dicari oleh pelajar-pelajar semasa menggunakan kamus, penyelidik menyediakan senarai maklumat yang boleh didapati melalui kamus. Berpandukan jenis maklumat yang disenaraikan, responden diminta mengisi di ruangan kosong apakah maklumat-maklumat

yang mereka cari semasa menggunakan kamus. Hanya 7 maklumat yang disenaraikan untuk dipilih oleh mereka. Maklumat-maklumat itu ialah makna perkataan, ejaan, sebutan, sinonim (perkataan seerti), penggunaan kata dalam konteks, imbuhan dan simpulan bahasa. Maklumat-maklumat itu difikirkan sesuai dengan pelajar-pelajar di tingkatan empat.

Terlebih dahulu penyelidik mengumpul data tentang penggunaan kamus berbahasa Melayu. Berdasarkan kiraan data-data yang didapati daripada responden sebagaimana terdapat dalam Jadual 4.14, paling ramai responden (91.25%) mencari makna perkataan. Kemudian diikuti oleh maklumat penggunaan kata dalam konteks atau ayat (53.75%).

Maklumat ketiga terpenting yang dicari oleh pelajar-pelajar ialah ejaan. Maklumat-maklumat lain yang dicari dalam kamus jenis ini ialah simpulan bahasa (21.25%), sinonim (16.25%) pengimbuhan (13.75%), sebutan (10.00%) dan antonim (1.25%). Manakala 7 orang (8.75%) daripada responden tidak menjawab. Dalam jadual 4.14 di bawah, disenaraikan maklumat-maklumat tersebut mengikut keutamaannya.

Kepentingan	Maklumat Kamus	4S	4A3	4A6	Jum	%
1	Makna	28	28	17	73	91.25
2	Penggunaan kata dalam konteks	18	13	12	43	53.75
3	Ejaan	5	12	7	24	30.00
4	Simpulan bahasa	5	6	6	17	21.25
5	Sinonim	11	8	3	13	16.25
6	Imbuhan	1	6	4	11	13.75
7	Sebutan	4	4		8	10.00
8	Antonim	1			1	1.25
9	Tidak menjawab			7	7	8.75

Jadual 4.14 : Kepentingan maklumat yang dicari oleh pelajar dalam kamus ekabahasa B.M.

Kepentingan	Maklumat Kamus	4S	4A3	4A6	Jum	%
1	Makna	28	28	17	73	91.25
2	Penggunaan kata mengikut konteks	10	5	8	23	28.75
3	Ejaan	14	22	12	48	60.00
4	Simpulan bahasa	2			2	2.50
5	Sinonim	8	4	2	14	17.50
6	Imbuhan	2	3		5	6.25
7	Sebutan	10	7	6	23	28.75
8	Tidak menjawab			7	7	8.75

Jadual 4.15 : Kepentingan maklumat yang dicari oleh pelajar dalam kamus dwibahasa berbahasa Inggeris.

Dalam Jadual 4.15 di atas, disenaraikan maklumat yang dicari oleh pelajar-pelajar dalam kamus dwibahasa berbahasa Inggeris. Berdasarkan peratus terbanyak, aspek makna mendapat tempat penting dalam pengajaran dan pembelajaran B.I di sekolah. Hampir semua responden (91.25%) menyatakan demikian. Aspek ejaan merupakan yang kedua terpenting (60.00%). Hal ini diikuti oleh aspek penggunaan kata dalam konteks atau ayat (28.75%), sebutan (28.75%), sinonim (17.50%) dan pengimbuhan (6.25%). Manakala 7 orang daripada responden (6.25%), tidak menjawab soalan ini.

Dalam hal penggunaan kamus oleh pelajar-pelajar dalam kedua-dua mata pelajaran ini, kita dapat maklumat yang dicari oleh mereka hampir sama. Tiga aspek terpenting yang dicari oleh mereka apabila menggunakan kamus ialah makna perkataan, ejaan dan penggunaan kata mengikut konteks atau dalam ayat. Yang berbeza hanya aspek sebutan dan simpulan bahasa. Bagi pelajar-pelajar bahasa Melayu, simpulan bahasa merupakan aspek yang keempat terpenting. Tetapi pelajar-pelajar bahasa Inggeris pula menganggap aspek sebutan adalah penting, manakala simpulan bahasa adalah aspek paling tidak penting. Istilah “idiom” tidak disebut oleh pelajar-pelajar, mungkin mereka tidak tahu konsep tersebut.

Penyelidik tidak nampak sebarang perbezaan dari segi angkubah kecerdasan pelajar. Pelajar-pelajar dari “kelas cerdik” dan “kelas lemah” mencari maklumat yang sama dalam kamus, mengikut kepentingan dan keutamaannya (seperti yang di jelaskan di atas).

4.3.7 Masalah Penggunaan Kamus

Untuk meninjau masalah penggunaan kamus dalam kelas, penyelidik mengemukakan 6 soalan berkaitan dalam soal selidik itu. Antara soalannya berbunyi “*Adakah anda menghadapi masalah dalam menggunakan kamus?*” Pelajar-pelajar diminta menyatakan “*Ya*” atau “*Tidak*”. Jadual 4.16

menjelaskan bilangan pelajar yang bermasalah dalam penggunaan kamus sebagai bahan pembelajaran.

Menghadapi Masalah	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Ya	6	10	8	24	30.00
Tidak	22	18	16	56	70.00
Jumlah	28	28	24	80	100

Jadual 4.16 : Bilangan pelajar yang bermasalah semasa menggunakan kamus.

Jadual 4.16 di atas menerangkan jumlah pelajar yang bermasalah semasa menggunakan kamus. Pelajar kelas “pintar” (4S) kurang menghadapi masalah jika dibandingkan dengan pelajar di kelas “lemah” (4A6). Secara keseluruhannya, hanya 30.00% (24 orang) pelajar yang menyatakan mereka menghadapi masalah semasa menggunakan kamus. Sebanyak 70.00% (56) menyatakan mereka tidak ada masalah semasa menggunakan kamus daripada kedua-dua bahasa itu.

Jenis Kamus	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Berbahasa Melayu	12	3	7	22	27.50
Berbahasa Inggeris	16	18	13	47	58.75
Tidak menjawab	-	7	4	11	13.75
Jumlah	28	28	24	80	100.00

Jadual 4.17 : Jenis kamus yang pelajar menghadapi masalah penggunaannya.

Jadual 4.17 di atas menunjukkan sebilangan besar (58.75%) daripada pelajar-pelajar menghadapi masalah penggunaan kamus dwibahasa berbahasa Inggeris. Hanya 27.50% daripada mereka menghadapi masalah semasa merujuk kamus ekabahasa berbahasa Melayu. Keputusan ini memang dijangka.

4.3.7.1 Masalah Penggunaan Kamus Ekabahasa Berbahasa Melayu di Kelas

Untuk menerangkan masalah-masalah semasa menggunakan kamus ekabahasa B.M, pelajar-pelajar diminta menyatakan masalah yang dihadapi dalam borang soal selidik. Daripada jawapan pelajar-pelajar itu, penyelidik dapat menyenaraikan 11 jenis masalah yang dihadapi oleh mereka semasa menggunakan kamus jenis ini sebagai bahan pembelajaran B.M. Jadual 4.18

menjelaskan masalah-masalah yang di hadapi oleh pelajar-pelajar B.M dalam penggunaan kamus ekabahasa B.M sebagai bahan pembelajaran.

Masalah	Jum	%
Kata dasar yang terlalu banyak makna	8	10.00
Sukar mencari kata dasar (entri)	7	8.75
Sukar mencari maksud kata klasik	5	6.25
Sukar mencari maksud sesuatu kata	5	6.25
Ejaan kata entri tidak sama dengan bahan yang dibaca	3	3.75
Ejaan hampir sama, sebutan berbeza (homografi)	2	2.50
Sukar mencari makna kata berimbuhan	2	2.50
Perkataan yang dicari tiada dalam kamus	2	2.50
Sukar mencari perkataan baru	2	2.50
Maksud yang dicari tiada dalam kamus	2	2.50
Sukar mencari simpulan bahasa	2	2.50
Tidak menjawab (tiada kesulitan guna kamus)	41	51.25

Jadual 4.18 : Masalah penggunaan Kamus B.M di kelas.

Jadual 4.18 menunjukkan dapatan-dapatan tentang masalah penggunaan kamus dalam kelas B.M di sekolah. Dapatan di atas menunjukkan sebilangan besar pelajar (52.25%) tidak menjawab soalan ini. Ini bererti pelajar-pelajar itu tiada kesulitan semasa menggunakan kamus B.M. Jadual di atas menunjukkan masalah ‘kata dasar yang terlalu banyak makna’ merupakan masalah yang paling banyak dinyatakan oleh responden iaitu 10.00% (8). Masalah kedua terbanyak dinyatakan ialah masalah ‘sukar mencari kata dasar (kata entri)’,

iaitu sebanyak 8.75%(7). Hanya seorang pelajar (1.25%) menyatakan masalah ‘sukar mencari simpulan bahasa’.

4.3.7.2 Masalah Penggunaan Kamus Dwibahasa Berbahasa Inggeris di Kelas

Masalah	Jum	%
Perkataan yang dicari tiada dalam kamus	10	12.50
Sukar menentukan sebutan	8	10.00
Kata dasar yang terlalu banyak makna	5	6.25
Kata-kata dasar yang ejaannya hampir sama	4	5.00
Secara umumnya, sukar mencari makna sesuatu kata	4	5.00
Sukar mencari maksud kata yang menerangkan kata (tenses)	3	3.75
Sukar mencari kata yang maksudnya sama (sinonim)	3	3.75
Sukar menentukan ejaan yang betul	3	3.75
Sukar mencari kata yang berimbuhan (affixes)	2	2.50
Masalah penggunaan kata dalam konteks (ayat)	2	2.50
Tidak menjawab (tiada kesulitan menggunakan kamus)	34	42.50

Jadual 4.19 : Masalah penggunaan kamus B.I di kelas.

Jadual 4.19 menunjukkan dapatan-dapatan tentang masalah penggunaan kamus dalam pembelajaran B.I dalam kelas di sekolah. Dapatan di atas menunjukkan sebahagian besar pelajar iaitu 42.50% (34) tidak menjawab. Dengan kata lain, mereka tidak mempunyai masalah dalam penggunaan kamus. Hal ini sama

dengan penggunaan kamus dalam kelas B.M di atas. Masalah kedua yang terbanyak dinyatakan oleh responden ialah masalah perkataan yang dicari tiada dalam kamus. Jumlah pelajar B.I yang menyatakan demikian ialah 10 orang (12.50%). Hal ini mungkin kamus yang digunakan oleh pelajar-pelajar berkenaan tidak lengkap. Masalah ketiga pula ialah “sukar menentukan sebutan”. Seramai 8 orang responden (10.00%) yang menyatakan demikian. Hal ini berlaku mungkin kerana kamus yang digunakan oleh pelajar-pelajar itu tiada transkripsi fonetik. Kalau ada pun, mungkin guru tidak menerangkan kepada mereka cara membaca transkripsi fonetik tersebut.

Bagi soalan “adakah guru B.M anda mengajar anda cara menggunakan kamus?” Jawapan responden dapat dirumuskan dalam Jadual 4.20 di bawah.

Diajar cara menggunakan kamus	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Ya	18	7	9	34	42.50
Tidak	8	20	15	43	53.75
Tidak menjawab	2	1	-	2	3.75
Jumlah	28	28	24	80	100.00

Jadual 4.20 : Guru B.M mengajar muridnya cara menggunakan kamus.

Data Jadual 4.20 menjelaskan sama ada guru B.M mengajar muridnya cara menggunakan kamus ekabahasa bahasa Melayu. Sebanyak 42.50% (34)

menyatakan mereka diajar kemahiran tersebut. Tetapi sebahagian besar pelajar iaitu 53.75% (43) menyatakan mereka tidak diajar cara menggunakan kamus. Tetapi sebahagian besar pelajar kelas 4S (18 orang) diajar kemahiran tersebut, berbanding dengan kelas sederhana (4A3) dan kelas lemah (4A6), di mana hanya sedikit sahaja pelajar diajar kemahiran menggunakan kamus. Perlu diingatkan, pelajar 4S berasal dari sekolah-sekolah yang berlainan. Oleh itu, pada suatu masa dahulu, mereka diajar oleh guru-guru yang berbeza.

Diajar cara menggunakan kamus	Tingkatan			Jum	%
	4S	4A3	4A6		
Ya	11	14	21	46	57.50
Tidak	15	12	3	30	37.50
Tidak menjawab	2	2	-	4	5.00
Jumlah	28	28	24	80	100.00

Jadual 4.21 : Guru B.I mengajar muridnya cara menggunakan kamus.

Data Jadual 4.21 menjelaskan sama ada guru B.I mengajar muridnya cara menggunakan kamus dwibahasa berbahasa Inggeris. Berbeza dengan kelas B.M, majoriti pelajar (57.50%) menyatakan guru-guru B.I mereka mengajar kemahiran menggunakan kamus. Hanya sebanyak 37.50% (30) daripada mereka menyatakan guru-guru B.I mereka tidak mengajar kemahiran tersebut.

4.3.8 Kepentingan Penggunaan Kamus Dalam Kelas Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Melalui soal selidik juga, penyelidik memperolehi maklumat tentang kepentingan penggunaan kamus sebagai bahan dalam pembelajaran B.M dan B.I di sekolah menengah. Bagi soalan dalam soal selidik yang berbunyi “merujuk kamus banyak membuang masa”, seramai 52 orang responden (65.00%) “tidak setuju” dengan kenyataan itu. Hanya 5.00% (4) daripada 80 responden “setuju” dengan pernyataan itu. Bilangan ini sangat sedikit. Yang selebihnya iaitu sebanyak 27.50% (22) menjawab “kurang pasti”. Dua orang daripada responden tidak menjawab langsung. Hal ini bererti lebih daripada separuh responden itu menganggap merujuk kamus sangat penting dalam pembelajaran bahasa, sama ada bagi bahasa ibunda atau bahasa asing.

Reaksi responden terhadap soalan “Saya boleh belajar B.M dan B.I tanpa apa-apa bantuan kamus” juga menunjukkan bahawa mereka mempunyai penuh kesedaran bahawa kamus adalah bahan penting dalam pembelajaran bahasa. Jadual 4.22 di bawah mengandungi data yang menjelaskan perkara tersebut.

Pendapat	Kelas B.M		Kelas B.I		Min	Min %
	Bil	%	Bil	%		
Setuju	2	2.50	-	-	1	1.25
Tidak setuju	51	63.75	76	95.00	63.50	79.38
Kurang pasti	26	32.50	3	3.75	14.50	18.12
Tidak menjawab	1	1.25	1	1.25	1	1.25
Jumlah	80	100.00	80	100.00	80	100.00

Jadual 4.22 : Reaksi kepada pernyataan bahawa anda boleh belajar B.M dan B.I tanpa bantuan kamus.

Jadual 4.22 di atas menjelaskan, lebih daripada separuh pelajar dalam kelas B.M, iaitu 63.75% (51) menyatakan pendapat ‘tidak setuju’ dengan pernyataan di atas. Pelajar-pelajar dalam kelas B.I lebih mementingkan kamus. Sebanyak 95.00% (76) berpendapat kamus sangat penting sebagai bahan pembelajaran dalam kelas B.I. Tidak ada langsung pelajar yang bersetuju dengan pernyataan di atas.

Dua soalan terakhir dalam soal selidik berbunyi “setiap pelajar B.M dan B.I patut memiliki sebuah kamus”. Jadual 4.23 di bawah menerangkan reaksi responden terhadap pernyataan itu.

Pendapat	Kelas B.M		Kelas B.I		Min	Min %
	Bil	%	Bil	%		
Setuju	65	81.25	75	93.75	70.00	87.50
Tidak setuju	3	3.75	2	2.50	2.50	3.13
Kurang pasti	11	13.75	2	2.50	6.50	8.13
Tidak menjawab	1	1.25	1	1.25	1	1.25
Jumlah	80	100.00	80	100.00	80	100.00

Jadual 4.23 : Reaksi kepada pernyataan bahawa pelajar B.M dan B.I patut memiliki sebuah kamus.

Jadual 4.23 di atas menunjukkan bahawa seramai 65 orang responden (81.25%) menyatakan perlunya setiap pelajar memiliki kamus ekabahasa B.M. Hanya 3 orang responden atau 3.75% menyatakan pelajar tidak perlu memiliki kamus.

Walau bagaimanapun, memiliki kamus dwibahasa berbahasa Inggeris adalah lebih penting bagi mereka. Dapatan soal selidik menunjukkan seramai 75 orang responden (93.75%) menyatakan perlunya setiap pelajar memiliki sekurang-kurangnya 1 kamus berbahasa Inggeris. Sementara itu hanya 2 orang responden sahaja atau 2.5% menyatakan pelajar tidak perlu memiliki kamus tersebut. Dengan ini jelaslah pelajar-pelajar lebih mementingkan penggunaan kamus berbahasa Inggeris daripada kamus berbahasa Melayu.

4.4 Penggunaan Kamus di Kalangan Guru-Guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Di samping meninjau pendapat pelajar, pendapat guru juga perlu diambil kira dalam soal penggunaan kamus ini. Berikut adalah persoalan penggunaan kamus di kelas mengikut perspektif guru.

4.4.1 Nama dan Jumlah Kamus Yang Dimiliki Oleh Guru-Guru Bahasa

Dalam bahagian ini dihuraikan dapatan-dapatan hasil daripada temuramah penyelidik dengan guru-guru B.M dan B.I di sekolah ini. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak (rambang). Lima orang guru B.M (daripada 8 orang semuanya) diambil sebagai responden. Begitu juga 5 orang guru B.I (daripada 8 orang guru B.I semuanya) diambil sebagai responden. Berikut ialah huraian dapatan-dapatan hasil daripada temu ramah penyelidik dengan 10 orang responden tersebut.

Daripada 10 orang guru B.M dan B.I yang dikaji, semuanya menyatakan ada memiliki kamus. Ada yang memiliki 2 buah kamus. Berikut ialah judul kamus yang dimiliki oleh guru-guru B.M :-

- i - Kamus Dewan
- ii - Kamus Pelajar
- iii- Kamus Dwibahasa Oxford-Fajar
- iv- Kamus Popular
- v - Kamus Lengkap

Manakala judul kamus yang dimiliki oleh guru B.I pula ialah :-

- i - Oxford Student Dictionary of Current English for KBSM.
- ii- Longman Dictionary of Contemporary English.
- iii- Junior KBSM Dictionary.
- iv- Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English.

Walaupun kamus milik peribadi mereka tidak banyak, mereka boleh menggunakan kamus-kamus di bilik sumber dan di bilik guru (dengan cara meminjam daripada rakan-rakan setugas).

4.4.2 Kekerapan Penggunaan Kamus Dalam Pengajaran Bahasa

Penggunaan	Kelas B.M		Kelas B.I		Min	Min %
	Jum	%	Jum	%		
Amat kerap	-	-	2	40.00	1	20.00
Kerap	2	40.00	2	40.00	2	40.00
Kurang kerap	2	40.00	1	20.00	1.5	30.00
Tidak tentu	1	20.00	-	-	0.5	10.00
Jumlah	5	100.00	5	100.00	5	100.00

Jadual 4.24 : Penggunaan kamus dalam pengajaran B.M dan B.I.

Daripada dapatan yang diperolehi melalui wawancara, maklumat-maklumat tentang penggunaan kamus dalam pengajaran bahasa di kalangan guru di kelas diperolehi. Jadual 4.24 di atas, dapat menjelaskan setakat mana kamus digunakan dalam pengajaran bahasa. Melalui jadual 4.24 di atas, didapati bilangan guru yang menyatakan ‘kerap’ menggunakan kamus dalam pengajarannya adalah paling banyak, iaitu 2 orang bagi guru B.M (40.00%) dan 2 orang juga bagi guru B.I (40.00%). Hanya 2 orang (40.00%) guru B.I menyatakan ‘amat kerap’ dan tiada guru B.M yang menyatakan demikian.

Apabila ditanya berapakah jumlah masa (dalam kiraan minit) yang diambil oleh guru bahasa untuk menyemak kamus dalam satu waktu, mereka memberi jawapan yang agak berbeza. Majoriti guru B.I iaitu 60.00% (3) menyatakan

mereka menggunakan masa selama 20 minit untuk menyemak kamus dalam satu waktu. Manakala majoriti guru B.M iaitu 60.00% (3) juga, menyatakan masa yang diambil untuk menyemak kamus ialah selama 15 minit. Oleh itu purata jangka masa yang diambil guru-guru untuk menyemak kamus ialah antara 15 hingga 20 minit, dalam satu waktu pembelajaran. Satu waktu pembelajaran bahasa di sekolah ini ialah selama 80 minit (double period).

Bagi soalan “pernahkah anda mengajar pelajar-pelajar anda cara menggunakan kamus?”. Semua guru menjawab “Ya”. Ini bererti semua guru bahasa mengakui pernah mengajar kemahiran menggunakan kamus kepada pelajar-pelajar.

4.4.3 Kepentingan Penggunaan Kamus Dalam Pengajaran

Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Dalam wawancara dengan guru-guru, penyelidik bertanya tentang apakah maklumat yang mereka cari dalam kamus. Maklumat yang dicari oleh mereka dalam kamus, mengikut keutamaannya, ialah seperti berikut :

- i - Makna perkataan
- ii - Ejaan
- iii - Penggunaan kata dalam konteks
- iv - Idiom

v - Makna perkataan klasik

vi - Makna perkataan baru

vii- Kata dasar yang mempunyai banyak

makna

Terdapat 5 aspek pengajaran bahasa di sekolah menengah yang perlu ditekankan oleh guru-guru bagi membolehkan pelajar-pelajar menguasai kemahiran bahasa. Aspek-aspek itu ialah lisan, bacaan dan kefahaman, karangan dan surat kiriman, meringkaskan karangan dan tatabahasa.

Dalam pengajaran bahasa, kamus boleh digunakan sebagai bahan pengajaran aspek-aspek tersebut. Dalam temu ramah dengan guru-guru, penyelidik mengemukakan satu soalan khusus untuk mengetahui aspek manakah yang selalu ditekankan oleh mereka apabila menggunakan kamus sebagai bahan pengajaran. Dalam soalan itu, penyelidik hanya mengemukakan 4 aspek pengajaran bahasa sahaja untuk dipilih oleh responden. Aspek-aspek itu ialah:-

i - Bacaan dan pemahaman

ii - Tatabahasa

iii- Karangan dan surat kiriman

iv- Lisan

Keempat-empat aspek pengajaran bahasa itu dikemukakan untuk dijawab oleh responden mengikut kepentingan dan keutamaannya. Hasil dapatannya dipaparkan dalam Jadual 4.25 di bawah.

BG AP	Guru B.M					Jum	%
	G1	G2	G3	G4	G5		
Bacaan & Pemahaman	/	/	/	-	/	4	80.00
Tatabahasa	/	/	-	/	/	4	80.00
Karangan	-	-	-	-	-	-	-
Lisan	/	/	-	-	-	2	40.00

Jadual 4.25 : Penggunaan kamus dalam aspek pengajaran bahasa oleh guru-guru B.M.

BG AP	Guru B.I					Jum	%
	G1	G2	G3	G4	G5		
Bacaan & Pemahaman	/	/	/	/	/	5	100.00
Tatabahasa	/	/	/	-	-	3	60.00
Karangan	/	/	/	/	-	4	80.00
Lisan	/	/	/	-	-	3	60.00

Jadual 4.26 : Penggunaan kamus dalam aspek pengajaran bahasa oleh guru-guru B.I.

BP = Bilangan guru

AP = Aspek pengajaran

Jum = Jumlah
G1, G2.... = Guru pertama, guru kedua dan seterusnya.

Berdasarkan bilangan kekerapan terbanyak yang dinyatakan dalam Jadual 4.25 di atas, didapati guru-guru B.M menekankan aspek bacaan dan kefahaman serta aspek tatabahasa semasa menggunakan kamus. Seramai 4 orang responden (80.00%) menyatakan penekanannya pada aspek bacaan dan kefahaman. Seramai 4 orang responden (80.00%) juga menekankan aspek tatabahasa semasa menggunakan kamus. Hanya 2 orang responden (40.00%) menyatakan aspek lisan. Tiada guru B.M yang menggunakan kamus semasa mengajar karangan.

Berbeza dengan guru B.M, guru B.I menggunakan kamus dalam hampir semua aspek pengajarannya (Lihat Jadual 4.26). Semua 5 orang responden (100.00%) menyatakan aspek bacaan dan pemahaman sebagai aspek utama. Aspek karangan dan surat kiriman menduduki tempat kedua iaitu seramai 4 orang (80.00%) responden menjawabnya. Manakala aspek tatabahasa dan lisan pula menduduki tempat ketiga ditekankan semasa penggunaan kamus. Jumlah yang menyatakan demikian ialah 3 orang (60.00%) bagi setiap aspek.

Melalui beberapa siri temu bual dengan guru-guru, penyelidik dapati ada beberapa masalah berkaitan dengan penggunaan kamus dalam kelas. Masalah itu dihadapi oleh guru sendiri dan masalah pelajar (dari kacamata guru). Antara masalah-masalah itu ialah seperti berikut :

- i - Kamus di dalam pusat sumber tidak cukup.
- ii - Masalah ejaan dan sebutan.
- iii - Masalah menentukan golongan kata seperti kata nama, kata adjektif, kata kerja dan lain-lain.
- iv - Masalah penggunaan kata dalam konteks atau ayat.
- v - Pelajar lambat menemui kata dasar yang diperlukan.
- vi - Penggunaan kamus, membantu kelancaran pengajaran dan pembelajaran
- vii - Kata dasar yang terlalu banyak makna dan mengelirukan.
- viii - Sesetengah kamus tebal dan berat.
- ix - Bagi sesetengah kamus, jumlah entrinya terlalu banyak. Kamus begini tidak

sesuai untuk pelajar.

- x - Secara umumnya, ramai pelajar tidak tahu cara menggunakan kamus dengan betul dan cekap.

Apabila ditanya sejauh mana pentingnya penggunaan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, semua guru menjawab “sangat perlu”. Semua guru juga menggalakkan pelajar-pelajar mereka memiliki kamus.